



## PELUANG KERJAYA

### KETUA EKSEKUTIF/PENGARAH URUSAN

German-Malaysian Institute (GMI) telah ditubuhkan pada tahun 1991 sebagai hab latihan kemahiran lanjutan. GMI menyediakan latihan praktikal dan pengajian teori yang komprehensif serta seimbang, menawarkan peluang pendidikan kejuruteraan yang luas melalui pengkhususan bidang dan pembangunan sendiri.

Kami sedang mencari individu yang berkebolehan, dinamik, berintegriti dan bersemangat tinggi untuk memimpin dan meningkatkan prestasi Institut ke tahap yang lebih tinggi.

#### KEPERLUAN KELAYAKAN DAN PENGALAMAN

- Warganegara Malaysia dan berumur tidak melebihi 58 tahun pada tarikh tutup permohonan;
- Mempunyai sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda yang diiktiraf dalam bidang Pengurusan Perniagaan / Pemasaran / Kewangan / Perakaunan atau bidang lain yang berkaitan atau setaraf;
- Memiliki sekurang-kurangnya 15 tahun pengalaman bekerja dengan prestasi cemerlang di peringkat pengurusan tertinggi dalam latihan dan pembangunan TVET serta sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam jawatan pengurusan kanan di institusi pengajian tinggi;
- Mempunyai pencapaian dengan rekod prestasi cemerlang, kepimpinan dengan kualiti dinamik, berpandangan jauh serta mempunyai rangkaian perindustrian yang baik;
- Memiliki kompetensi dalam pentadbiran, perolehan kewangan dan sumber manusia;
- Mempunyai rangkaian perniagaan yang pelbagai, pemikiran strategik, berintegriti tinggi, kemahiran komunikasi dan kepimpinan yang berkesan, ketegasan, proaktif dan kualiti keusahawanan yang berkaliber tinggi;
- Jawatan adalah berstatus kontrak; dan
- Gaji, elaun, syarat dan terma perkhidmatan adalah tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah GMI.

**Jika anda memenuhi keperluan seperti di atas, sila kemukakan CV dan gambar berukuran pasport anda kepada:**

Ketua, Pengurusan Modal Insan  
Aras 2, Blok Pentadbiran  
Institut Jerman-Malaysia  
Jalan Ilmiah, Taman Universiti  
43000 Kajang, Selangor

Tarikh tutup permohonan: **2 Januari 2023**

(Hanya calon yang disenarai pendek akan dimaklumkan)